

**SITI MAISARAH Bakar<sup>1</sup>**

Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara.

**ZULKANAIN Abdul Rahman<sup>2</sup>**

Universiti Malaya

## **PENTADBIRAN NANING SEBELUM 1832**

### **ADMINISTRATION IN NANING BEFORE 1832**

*Sebelum dikuasai oleh British pada 15 Jun 1832, Luak Naning adalah bertaraf negeri dan mempunyai kuasa mutlak dengan Penghulu sebagai ketuanya. Dua kuasa Eropah yang pernah menjajah Naning sebelum British ialah Portugis dan Belanda. Naning merupakan satu-satunya negeri di Tanah Melayu yang diperintah oleh Penghulu, dan dibantu oleh Pembesar Empat Suku yang mewakili suku masing-masing. Fokus perbincangan dalam artikel ini ialah kelangsungan sistem pentadbiran tradisional di Naning yang mengikut Adat Perpatih walaupun pernah dikuasai oleh Portugis dan Belanda. Sistem pentadbiran tradisional di Naning adalah sistematik, teratur dan berupaya mewujudkan keharmonian dan perpaduan dalam kalangan masyarakat tempatan kemudiannya diubah oleh British pada 1832. Perbincangan akan dihalakan kepada pemilihan Dato' Naning, susunan pentadbiran, pembahagian bidang tugas dan kuasa para pemimpin tempatan di Naning.*

**Kata kunci:** Portugis, Belanda, Naning, Adat Perpatih, Penghulu.

*Luak Naning was a state with an absolute power led by a headman or Penghulu before being under the sway of British on 15 June 1832. Portuguese and Dutch were indeed the two European powers which previously invaded Luak Naning prior to the British. Naning was the only state in Malaya that led by the headman who was then assisted by Chieftain of Four Tribes or Pembesar Empat Suku. This article focuses on the survival of the traditional form of government, even though Naning was dominated by the Portuguese and Dutch. The traditional form of government in Naning, which was based on the Customary Law of Adat Perpatih was said to be systematic, organised and able to create harmony and unity among local communities; however, the British later amended it in 1832. The discussion of this article will anchor to the election of Penghulu Dato' Naning, organisation powers, distributions of powers, and power of local leaders in Naning.*

**Keywords:** *Portuguese, Dutch, Naning, Adat Perpatih, Penghulu.*

## **Pengenalan**

Naning<sup>3</sup> merupakan sebuah negeri kecil Melayu yang terletak di antara Rembau (Negeri Sembilan) dengan Melaka. Luasnya adalah kira-kira dua ratus batu persegi<sup>4</sup> atau dua ratus lima puluh kilometer persegi dan jauhnya dari Bandar Melaka kira-kira 10 batu.<sup>5</sup> Penduduk Naning pada peringkat awalnya berjumlah kira-kira lima ribu orang.<sup>6</sup> Jumlah penduduk Naning ini hanyalah anggaran kasar. Sebelum dijajah oleh British, luak Naning adalah bertaraf negeri dan mempunyai kuasa mutlak dengan Penghulu sebagai pemimpin.<sup>7</sup> Naning merupakan satu-satunya negeri di Tanah Melayu yang diperintah oleh Penghulu dan dibantu oleh Empat Suku sebelum negeri tersebut ditadbir oleh British mulai tahun 1832 setelah Naning kalah dalam perang pada tahun tersebut. Sejarah dan asal-usul pembukaan Naning dikatakan berkait rapat dengan kehadiran orang-orang Minangkabau<sup>8</sup> ke negeri tersebut. Orang-orang Minangkabau ini yang diketuai oleh Dato' Perpatih Pinang Sebatang yang datang dari Pagar Ruyung telah mengembara hingga ke Tanah Melayu. Di Tanah Melayu kumpulan ini telah melalui kawasan Pengkalan, Ikan Lemak, Paya Dato', Bukit Serusuk, Bukit Tempunek, Bukit Penyalang, Bukit Boso Silau, Pulau Gelang Tiga Sejajar dan akhirnya berhenti di kawasan Taboh.<sup>9</sup> Dato' Perpatih Pinang Sebatang dan pengikutnya berasaskan sesuai kawasan Taboh tersebut dijadikan negeri. Taboh ini telah dijadikan sebagai pusat pentadbiran Naning. Dengan ini bermulalah pentadbiran Penghulu di Naning.

## **Sistem Pentadbiran Tradisional Naning**

Kedatangan orang-orang Minangkabau ke Tanah Melayu dan membuka penempatan di Naning telah menjadikan Naning sebagai sebuah negeri yang mempunyai struktur pentadbiran yang tersendiri. Sebelum kedatangan orang-orang Minangkabau ini, Naning dikatakan hanya sebagai sebuah petempatan yang kecil. Kedatangan orang Minangkabau secara berperingkat-peringkat telah menjadikan Naning sebuah negeri kecil yang diperintah oleh seorang Penghulu. Orang-orang Minangkabau ini telah membawa cara hidup mereka dan dapat menyesuaikan diri dengan penduduk setempat. Kedatangan mereka semakin ramai pada abad ke-16 dan semakin meluas sehingga ke barat Tanah Melayu. Hal ini nyata daripada laporan yang dibuat oleh orang Portugis yang menyatakan bahawa pada tahun 1586, orang-orang Minangkabau telah membantu Johor menyerang Portugis di Melaka. Hal ini berkemungkinan kesetiaan orang-orang Minangkabau telah bermula sejak dari awal lagi iaitu ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka. Sultan Melaka telah membina pusat di Johor dan orang-orang Minangkabau terus setia kepada Johor dan Johor pula menaungi daerah-daerah Naning.<sup>10</sup>

Pentadbiran yang dijalankan di Naning adalah mengikut Adat Perpatih.<sup>11</sup> Adat Perpatih ini merupakan adat yang dibawa oleh orang-orang Minangkabau yang datang berhijrah ke Tanah Melayu dan diterima oleh masyarakat tempatan. Sesuai dengan susunan kuasa dalam Adat Perpatih, dengan ini wilayah atau luak Naning ini dikuasai oleh seorang Penghulu yang bergelar Orang Kaya Seri Maharaja Merah. Beliau menjadi Penghulu bagi luaknya dan menjadi puncak pemerintahan dari segi pentadbiran dan perundangan. Kedudukannya adalah mutlak di dalam luaknya.<sup>12</sup>

Sistem masyarakat Naning adalah didasarkan kepada hidup bersuku. Tiap-tiap suku mendiami satu kawasan tertentu dan segala kegiatan adalah dijalankan dengan seluruh anggota suku mengambil bahagian dan hak milik juga adalah untuk semua dalam satu suku. Setelah berlaku perpindahan anggota dari satu tempat ke tempat yang lain, mungkin melalui perkahwinan antara suku, suatu teradat ataupun melalui sebab-sebab lain maka sehingga sekarang tiap-tiap kampung mempunyai penduduk yang terdiri daripada berbagai suku.<sup>13</sup> Naning mempunyai empat suku yang terbesar iaitu Semelenggang, Anak Melaka, Tiga Batu dan Mungkal.<sup>14</sup> Namun, terdapat juga tiga suku kecil yang telah digabungkan kepada suku-suku yang dinyatakan di atas. Suku Biduanda dan Tiga Nenek telah dimasukkan ke suku Semelenggang sementara suku Batu Belang dicantumkan dengan suku Tiga Batu.<sup>15</sup>

Undang-undang adat yang telah berjalan bukan sahaja memberi ketentuan kepada soal-soal perkahwinan, turunan harta pusaka, cara perhubungan antara anggota masyarakat bahkan tentang hal-ehwal jenyah, awam (sivil) dan susunan kuasa pimpinan. Dalam hal kuasa pimpinan adalah jelas ditentukan antara satu peringkat yang lain dalam hierarki kuasa. Dari had kuasa inilah dapat dilihat betapa padunya organisasi Adat Perpatih.<sup>16</sup>

Perlembagaan tradisi Naning adalah berdasarkan Adat Perpatih adalah mengikut perbilangan seperti berikut:

Alam Ber	-	Raja
Luak Ber	-	Penghulu
Suku Ber	-	Tau
Anak Buah Ber	-	Ibu Bapa
Orang Semenda Ber	-	Tempat Semenda
Dagang Bertempatan		
Perahu Bertempatan		

Melalui perbilangan di atas jelas memperlihatkan bahawa betapa padunya sebuah organisasi yang diwujudkan.

Struktur pentadbiran Naning terbahagi kepada dua bahagian iaitu pembahagian mengikut unit sosial pada peringkat rendah dan mengikut wilayah pada peringkat yang lebih tinggi.<sup>17</sup> Naning yang ditadbir oleh Penghulu

dibantu oleh Ketua Empat Suku yang mewakili suku masing-masing. Mereka adalah Lembaga Penasihat yang dipanggil 'Tiang Isi Balai' bagi menjalankan urusan pentadbiran. Lembaga merupakan ketua sesuatu suku atau juga sebagai ketua sebuah kampung dan merupakan pemimpin peringkat kedua di bawah Penghulu Luak. Lembaga ini merupakan Orang-orang Besar Naning.<sup>18</sup>

Lembaga ini menjadi penasihat kepada Penghulu dalam segala hal dan dalam membuat keputusan dalam beberapa perkara. Di dalam Lembaga ini terdapat orang-orang besar Naning seperti To' Lela, To' Membangun, Andika Raja Nangkaya dan Orangkaya Kecil. Lembaga ini juga mempunyai fungsi penting dengan kuasa untuk menentukan ganti seseorang Penghulu Naning yang telah meninggal atau yang tidak lagi layak meneruskan menyandang jawatan Penghulu itu.<sup>19</sup> Selain itu, ketua Empat Suku juga terlibat dalam urusan hubungan Penghulu dengan orang luar.<sup>20</sup>

Perlantikan atau pemilihan bagi mengisi ahli-ahli Tiang Isi Balai adalah dibuat oleh orang Tua-tua atau Buapak dari suku masing-masing berdasarkan persetujuan semua anak buahnya. Dengan ini, jawatan ketua Empat suku bukanlah jawatan yang diwarisi. Ketua Empat Suku ini memperoleh pendapatan daripada kutipan denda yang diputuskan dalam sukunya dan juga bahagian tertentu dari barang persembahan yang diterima oleh Penghulu.<sup>21</sup> Dalam istiadat pertabalan Dato' Lembaga, pertabalan ini dirasmikan dalam sebuah rumah 'kelapaan'nya yang bererti rumah yang ditetapkannya secara rasmi dari hari kerjan<sup>22</sup> hingga akhir hayatnya. Setiap Dato' Lembaga mempunyai rumah 'kelapaan'nya untuk salah seorang waris 'pesoko'nya yang paling dekat sekali dengannya tinggal. Misalnya, kakak atau adik perempuannya.<sup>23</sup>

Penghulu juga dibantu oleh Menteri dan juga Panglima. T.J. Newbold menyatakan bahawa terdapat dua orang Menteri di Naning yang menjadi penasihat kepada Penghulu. Mereka adalah Melana Hakim dan Gompar.<sup>24</sup> Menteri ini merupakan penasihat peribadi kepada Penghulu dan mendapat kepercayaan penuh daripada Dato' Naning dalam hal-hal pentadbiran.<sup>25</sup> Menteri merupakan orang kepercayaan Dato' Penghulu kerana mereka menjadi penasihat kepada Dato' Penghulu dalam beberapa hal yang berkaitan pentadbiran.

Selain itu, terdapat juga jawatan Panglima. Panglima ini merupakan ketua perang dan mereka dipertanggungjawabkan untuk menjaga keselamatan dan keamanan di Naning. Terdapat 12 orang Panglima di Naning ketika zaman pemerintahan Dato' Dol Said, empat daripadanya merupakan Panglima Peribadi kepada Dato' Penghulu<sup>26</sup>, manakala lapan orang lagi mengetuai angkatan perang (dua orang Panglima bagi tiap-tiap suku).<sup>27</sup> Seperti Lembaga, Panglima juga mempunyai tugas-tugas khas seperti mengetuai angkatan perang, membina kubu pertahanan, menjaga keamanan, menangkap pesalah, menjadi utusan Dato' Naning dan Lembaga serta mengutip cukai.<sup>28</sup> Panglima mempunyai Tombak Bandaran yang telah diberikan kepadanya sebagai tanda

kekuasaan mereka.<sup>29</sup>

Panglima ini mempunyai bentuk badan yang tegap dan dianggap kebal. Kekebalan seseorang Panglima menjadi satu kepercayaan dengan kebolehan mengaibkan diri. Penampilan mereka adalah berbeza dengan orang biasa kerana mereka berpakaian merah yang longgar dan mempunyai satu jambak bulu kuda yang diwarnakan dengan warna merah yang diletakkan di lubang sebatang tombak yang sentiasa dibawa bersama.<sup>30</sup> Panglima tidak menerima gaji dan sebarang bayaran di atas tugas yang mereka lakukan tetapi mereka dikecualikan daripada melakukan kerja-kerja buruh dan tidak dikenakan sebarang cukai atau tidak perlu memberi persembahan kepada Penghulu. Mereka mempunyai kelebihan dalam menjalankan tugas iaitu mereka boleh meminta sumbangan atau mengenakan bayaran tertentu kepada orang ramai untuk kegunaan diri sendiri.<sup>31</sup>

Pemilihan Panglima adalah berdasarkan kepada kecekapan mereka menggunakan senjata dan mempertahankan diri daripada serangan musuh. Hal ini kerana, Panglima merupakan orang yang bertanggungjawab menjaga keselamatan negeri daripada sebarang bentuk serangan daripada musuh. Panglima juga merupakan orang yang akan mengepalai angkatan perang sekiranya negeri diserang oleh musuh.

Dalam susunan pentadbiran yang paling bawah ialah Buapak. Buapak merupakan pegawai tadbir adat. Dalam Adat Perpatih, Buapak mempunyai fungsi yang tersendiri iaitu Buapak ditugaskan untuk memimpin kelompok kecil dalam suku atau carak atau perut. Buapak bertanggungjawab mengawasi hubungan kekeluargaan dalam caraknya, menguruskan sebarang penyerahan cukai atau barang persembahan, menyelesaikan soal pertelingkahan, perkahwinan dan penceraian di kalangan anak buahnya. Biasanya, tidak terdapat lebih dari seorang Buapak dalam satu-satu suku.<sup>32</sup>

Buapak adalah seorang anggota lelaki dalam satu perut yang telah dipilih dengan permuafakatan segala anggota dalam perut itu untuk dijadikan tua. Setelah selesai pemilihan Buapak, maka anak buah dalam satu perut itu pun merasmikan pemilihan tersebut beramai-ramai pergi 'merapatkan' Buapak yang baru dilantik. Dalam istiadat 'merapatkan' Buapak ini, Buapak dan isteri diberi penghormatan dengan dihadapi dan disembah oleh anak-anak buahnya. Upacara tersebut diakhiri dengan kenduri. Selalunya kenduri atau istiadat ini diadakan di rumah isteri Buapak atau di rumah ibu atau di rumah saudara perempuan Buapak. Rumah tempat 'merapatkan' Buapak ini dipanggil 'Rumah telapak rumah'. Setelah selesai 'merapatkan', anak buah akan menyembah Buapak kepada Lembaga suku puak tersebut. Lembaga tidak boleh menolak pemilihan Buapak ini kerana telah dipersetujui oleh anak buah. Lembaga juga tidak ada kuasa memecat Buapak sesuatu perut.

Melalui kata adat inilah, menunjukkan bahawa Lembaga tidak mempunyai kuasa untuk menolak pemilihan Buapak dan memecatnya.

Struktur pentadbiran Naning dapatlah dirumuskan seperti di bawah:

Penghulu Naning -	Luak Naning
Lembaga -	Suku
Buapak -	Perut
Anak buah	

Perjalanan pentadbiran Adat Perpatih Naning adalah berdasarkan kepada permuafakatan dan mesyuarah. Sebarang keputusan atau peraturan yang hendak dilaksanakan adalah diputuskan oleh Dato' Naning dalam mesyuarat Lembaga Adat yang terdiri dari Lembaga-lembaga Tiang Balai, Isi Balai dan Pembesar Waris. Dasar dan peraturan akan disampaikan dan dilaksanakan oleh Dato'-Dato' Lembaga Adat melalui Dato'-Dato' Penghulu Adat, Lembaga Adat Tujuh Suku, dan Buapak Tujuh Suku kepada anak-anak buah. Begitu juga sebaliknya jika sesuatu permasalahan timbul dari anak buah terlebih dahulu akan ditimbang dan diuruskan oleh Buapak Tujuh Suku berkenaan, seterusnya Dato' Lembaga Tujuh Suku kepada Dato' Penghulu Adat. Sebarang permasalahan yang tidak dapat diputuskan atau diselesaikan barulah dirujuk kepada Dato'-Dato' Lembaga Adat dan seterusnya kepada Dato' Naning. Begitulah proses pentadbiran yang dijalankan di wilayah Naning sejak turun-temurun.<sup>33</sup>

### **Sistem Penghulu Di Naning**

Istilah Penghulu merujuk kepada ketua atau kepala sesebuah negeri. Istilah Penghulu telah digunakan sejak zaman Kerajaan Melayu Melaka iaitu pada zaman Raja Besar (Raja Melaka yang ketiga) yang kemudiannya bergelar Sultan Muhammad Syah (1424-1444). Selain merujuk kepada kepala negara atau negeri, istilah Penghulu juga merujuk ketua kampung dan ketua adat.<sup>34</sup> Di Naning, istilah Penghulu merujuk kepada ketua negeri dan juga ketua adat. Penghulu Naning merupakan ketua yang memimpin dan mentadbir negeri. Naning sebelum jatuh ke tangan British pada tahun 1832 merupakan sebuah wilayah yang bebas dan merdeka daripada sebarang campur tangan daripada mana-mana pihak. Naning adalah wilayah yang ditadbir sepenuhnya oleh Penghulu. Ketika Belanda berkuasa di Melaka (1641-1795), istilah Penghulu sebagai ketua orang Melayu ada juga disebut 'NAKHODA' yang bermaksud Kepala kaum Melayu dan bagi bangsa asing pula disebut 'KAPITAN' tetapi istilah ini tidak kekal digunakan dalam masyarakat Melaka.<sup>35</sup>

Walaupun Naning pada masa tersebut termasuk dalam Negeri Sembilan<sup>36</sup> tetapi wilayahnya mempunyai riwayat yang berasingan dan tersendiri sebagai sebuah kerajaan.<sup>37</sup> Naning adalah sebuah negeri kecil Melayu yang mempunyai tarafnya yang tersendiri dan pentadbirannya juga adalah berasingan iaitu Penghulu sebagai ketua negeri yang tarafnya sama seperti Raja-raja Melayu yang lain di Tanah Melayu.

Di Naning, Penghulu merupakan orang yang paling berkuasa dalam luaknya. Dato' Naning menjadi puncak pemerintahan dari segi pentadbiran dan perundangan. Seperti yang dinyatakan di atas, Penghulu mempunyai beberapa pembesar tempatan yang membantu beliau menjalankan pentadbiran. Naning merupakan satu-satunya negeri atau wilayah di Tanah Melayu yang ditadbir oleh Penghulu. Ini berikutan, Naning merupakan wilayah yang telah dibuka oleh orang-orang Minangkabau yang menjadikan Penghulu sebagai pemimpin mereka. Penghulu di sini bermaksud pemerintah yang mana peranannya sama seperti Raja tetapi penggunaan istilah Raja tidak digunakan tetapi menggunakan istilah Penghulu yang merujuk kepada ketua sesebuah negeri yang ditadbir ketika itu. Sistem Penghulu di Naning ini adalah berasaskan sistem Penghulu di Pagar Ruyung.

Menurut pada karangan Abdullah Munsyi, beliau menyatakan tidak ada Penghulu sebelum kedatangan Belanda di Melaka. Beliau menyatakan hanya terdapat Empat Suku yang memerintah Naning pada zaman Portugis.<sup>38</sup> Namun, terdapat beberapa pandangan yang menyatakan bahawa sudah ada Penghulu di Naning sebelum zaman Belanda. Menurut pada karangan Shaba pula, beliau menyatakan telah ada Penghulu di Naning sebelum zaman Belanda iaitu seramai 11 orang.<sup>39</sup> Tetapi setelah kemasukan Belanda di Melaka, Belanda telah dapat mempengaruhi pemerintahan Naning dan mengesahkan lantikan Dato' Naning. Dato' Naning yang pertama disahkan oleh orang Belanda menggunakan gelaran Dato' Orang Kaya Siraja Merah.<sup>40</sup> Dengan perlantikan ini bermulalah sistem perlantikan Penghulu yang mendapat pengesahan daripada pemerintah Melaka.

Pemilihan Dato' Naning yang pertama dan kedua adalah telah dipilih oleh ahli-ahli kumpulan suku mereka, tetapi tiada rekod berkaitan pemilihan ini. Setelah kemasukan Belanda di Melaka, barulah ada rekod berkenaan dengan perlantikan Penghulu-penghulu Naning. Dengan adanya juga rekod-rekod ini, barulah Penghulu Naning dapat disusur galurkan mengikut nama dan tarikh perlantikan Dato' Naning.<sup>41</sup> Seperti yang dinyatakan oleh Shaba dalam karangannya, sistem Penghulu di Naning sebenarnya telah wujud sebelum kedatangan Belanda di Melaka lagi. Hal ini berikutan, sesebuah negeri kebiasaanya mempunyai Raja atau pemerintah yang memerintah dan mentadbir sesuatu kawasan. Perkara ini juga sama berlaku di Naning, tidak mungkin negeri atau wilayah yang baharu dibuka tidak mempunyai ketua yang memerintah dan mentadbirnya. Disebabkan tiada rekod yang menyatakan kewujudan Penghulu di Naning sebelum zaman Belanda maka setelah kemasukan Belanda di Melaka barulah Penghulu Naning direkodkan. Maka dengan ini, dikatakan sistem Penghulu wujud di Naning setelah kemasukan Belanda di Melaka. Belanda telah merekodkan setiap Penghulu yang dilantik. Mengikut catatan Belanda, jawatan ini telah ditauliahkan oleh kerajaan Belanda di Melaka kepada Dato' Naning pada tahun 1643.<sup>42</sup>

Perlantikan Penghulu sebenarnya dilakukan oleh Dato' Empat Suku. Merekalah yang mempunyai kuasa sepenuhnya untuk melantik Penghulu sebagai ketua pemerintah. Belanda hanyalah mengesahkan pemilihan dan perlantikan tersebut. Kedatangan Belanda di Melaka dan cubaan mereka untuk campur tangan di Naning menyebabkan Naning menandatangani perjanjian dengan Belanda.<sup>43</sup> Di dalam perjanjian ini, Dato' Naning bersetuju bahawa setiap yang akan bergelar Dato' Naning hendaklah mendapat pengesahan daripada Gabenor Belanda di Melaka untuk jawatan tersebut. Selain itu, menurut perjanjian ini, Dato' Naning dikehendaki datang ke Melaka setahun sekali untuk mengadap Gabenor untuk mendapatkan nasihat.<sup>44</sup>

Selain itu, menurut perjanjian ini, Naning dikehendaki membayar ufti kepada Belanda di Melaka. Pembayaran ufti ini adalah sebanyak 1/10 gantang daripada hasil-hasil padi. Pembayaran cukai dan ufti ini bukanlah mengikut kemahuan Naning tetapi kerana terpaksa. Tetapi dalam mengenakan cukai ini, pihak Belanda tidak menggunakan kekerasan kepada Naning. Hal ini kerana, Belanda sedar bahawa hasil yang dikeluarkan oleh Naning tidaklah begitu banyak. Sekiranya Belanda menggunakan kekerasan dan berlaku peperangan, adalah tidak berbaloi untuk Belanda mengeluarkan belanja yang banyak untuk menghadapi peperangan untuk mendapatkan hasil Naning yang tidak seberapa. Berikutan itu, pada tahun 1765, Belanda telah mengurangkan cukai kepada 400 gantang padi setahun.

Nama-nama dan gelaran Penghulu yang dilantik ketika zaman Belanda adalah seperti berikut:

**Jadual 1**  
**Senarai nama Penghulu dan Suku**

Bil.	Nama dan gelaran	Suku
1.	Datuk Seroja Merah	Biduanda
2.	Datuk Seroja Merah II	Biduanda
3.	Dato' Juara Megat	Semelenggang
4.	Dato' Gegah	Semelenggang
5.	Dato' Maulana Garang	Semelenggang
6.	Dato' Janggut	Semelenggang
7.	Dato' Timba	Semelenggang
8.	Dato' Anjak	Semelenggang
9.	Dato' Dol Said	Semelenggang

Sumber: Munsyi Abdullah, Hikayat Abdullah, hlm. 291-292.

Perlantikan Penghulu-penghulu ini adalah mendapat pengesahan daripada pihak Belanda di Melaka. Mereka menjalankan pentadbiran dalam luaknya tanpa sebarang campur tangan daripada pihak Belanda. Pihak Belanda hanya melakukan perlantikan dan mengesahkan jawatan Penghulu tersebut. Manakala bagi jawatan-jawatan lain seperti Lembaga Empat Suku dan Buapak, jawatan tersebut adalah dibuat melalui pemilihan dan permuafakatan



berdasarkan tradisi yang dijalankan sejak turun-temurun tanpa melibatkan campur tangan pihak Belanda di Melaka. Manakala bagi jawatan-jawatan lain seperti Menteri dan Panglima, jawatan-jawatan tersebut melalui pemilihan yang dibuat oleh pembesar-pembesar Naning.

Pada zaman Belanda ini terdapat sembilan orang Penghulu yang dilantik dan lapan orang daripadanya mendapat pengesahan daripada Gabenor Belanda di Melaka. Penghulu yang pertama dan kedua yang dilantik adalah dari suku Biduanda, manakala Penghulu-Penghulu seterusnya adalah dari suku Semelenggang. Setelah Melaka jatuh ke tangan Belanda, Gabernornya, Pantos, menghantar pegawai kanannya Squza, Mandis dan Francisco Pinjero ke Naning untuk mendapatkan persetujuan untuk melantik seorang Penghulu di Naning. Dengan ini, penduduk Naning mengadakan mesyuarat mengenai cadangan ini. Mesyuarat kemudiannya bersetuju dengan cadangan ini.<sup>45</sup> Mesyuarat bersetuju melantik Dato' Megat Alam Melintang (1643-1664) menggunakan gelaran Dato' Seri Seroja Merah sebagai Penghulu Naning. Setelah dilantik, beliau terus mengadap Gabenor Melaka untuk mendapatkan pengesahan dan diberi satu cop sebagai tanda kebesarannya.<sup>46</sup> Selepas Dato' Megat Alam Melintang, beliau diganti pula oleh anak saudaranya sebelah perempuan iaitu Dato' Megat Junjongan Limau (1664-1703) dan masih menggunakan gelaran yang sama iaitu Dato' Seri Seroja Merah.<sup>47</sup>

Semasa pemerintahan ini, Datuk Arum adalah Ketua Melayu Melaka.<sup>48</sup> Setelah Dato' Penghulu Naning yang ke dua telah uzur, beliau mencadangkan kepada Belanda supaya melantik Juara Megat<sup>49</sup> sebagai Penghulu Naning. Cadangan ini dipersetujui oleh pihak Belanda dan Penghulu Naning. Pemilihan dan perlantikan Juara Megat sebagai Penghulu Naning yang ketiga ini mendapat perakuan daripada Sultan Johor.<sup>50</sup> Sultan Johor memperakui Juara Megat sebagai Penghulu Naning yang ketiga berikutan jasa yang telah dicurahkan oleh Juara Megat kepada Baginda. Dato' Juara Megat juga menggunakan gelaran Dato' Seri Seroja Merah sebagai Penghulu yang baru menggantikan Penghulu Naning yang terdahulu.

Dato' Juara Megat memerintah Naning buat beberapa ketika. Setelah meninggal, tempat beliau digantikan pula oleh anak saudaranya sebelah perempuan iaitu Gegah.<sup>51</sup> Setelah Dato' Gegah meninggal dunia, tempatnya digantikan pula oleh anak saudaranya sebelah perempuan iaitu Maulana Garang.<sup>52</sup> Setelah Dato' Maulana Garang, Penghulu Naning digantikan pula oleh Janggut iaitu anak saudara sebelah perempuan Dato' Maulana Garang. Penghulu Naning selepas itu digantikan pula oleh Timba yang merupakan anak saudara sebelah perempuan Dato' Janggut. Kematian Dato' Timba digantikan pula oleh anak saudara sebelah perempuan beliau iaitu Dato' Anjak.<sup>53</sup> Dato' Anjak merupakan Penghulu Naning yang kelapan yang mendapat pengesahan daripada Gabenor Belanda di Melaka.

Perlantikan Dol Said (1801-1832) sebagai Penghulu Naning yang kesembilan merupakan Penghulu Naning yang tidak mendapat pengesahan

daripada pihak Belanda. Perlantikan Dol Said sebagai Penghulu Naning dilakukan oleh British ketika British mengambilalih pentadbiran Melaka dari Belanda buat sementara waktu (1795-1818).<sup>54</sup> Dol Said dilantik oleh British pada tahun 1801.<sup>55</sup> Perlantikan Dol Said sebagai Penghulu Naning ini disahkan oleh Residen British di Melaka iaitu Kolonel Taylor. Perlantikan dan pengesahan jawatan Penghulu Dol Said merupakan campur tangan awal British ke atas Naning. Walaupun pada ketika ini merupakan pentadbiran sementara British ke atas negeri Melaka, namun British tidak ketinggalan cuba campur tangan dalam negeri kecil seperti Naning. British melihat bahawa, Naning adalah sebahagian daripada Melaka dan mempunyai kepentingan kepada mereka.

Pentadbiran Naning yang dikuasai oleh Dato' Naning dengan menggunakan gelaran Orang Kaya Seri Raja Merah mempunyai kedudukan yang tertinggi dan berkuasa mutlak. Penghulu berhak menjatuhkan hukuman bunuh dengan cara salang atau membayar sebanyak satu bahara (\$ 24.30). Dato' Penghulu Naning ini disembah oleh anak-anak buah Naning.<sup>56</sup> Sebagai ketua yang berkuasa, Dato' Naning mengenakan cukai ke atas setiap rumah. Setiap rumah dikenakan cukai sebanyak lima gantang padi, dua ekor ayam dan sebiji kelapa bagi setiap rumah dalam wilayah kekuasaannya.<sup>57</sup> Selain itu, Dato' Penghulu juga memperolehi pendapatan melalui denda-denda yang dikenakan kepada pesalah dan juga mendapat hadiah-hadiah ketika adanya acara kelahiran, perkahwinan dan kematian. Menurut Begbie,

*They appropriate fines in cases adjudicated by themselves, and receive presents at births, marriages, and deaths, and contributions on political emergencies.*<sup>58</sup>

Sebagai kuasa tertinggi yang dilantik dari bawah, Dato' Penghulu Naning mempunyai status yang paling tinggi dari segi sosial. Kemuliannya ditunjukkan dengan jelas di majlis-majlis keramaian seperti kenduri, majlis perkahwinan dan lain-lain. Kelengkapan adat disediakan untuk menyambut kedatangannya. Alat-alat itu termasuklah tikar, tilam pandak, tabir langit-langit, dulang tunggal dan tepak sirih yang lengkap. Di majlis, Dato' Penghulu duduk di atas tilam pandak di pangkal serambi dan menikmati kepala hidangan yang disertai dengan kepala kerbau atau kambing. Manakala kepulungannya pula disertai dengan pulut kuning sesumpit dan beberapa biji telur.<sup>59</sup>

Dato' Penghulu Naning memiliki alat-alat kebesaran untuk menggambarkan kekuasaan yang dimilikinya. Alat-alat kebesaran ini adalah melambangkan kedaulatan yang dimiliki oleh Naning. Alat-alat kebesaran Naning ini telah dibawa oleh Datuk Perpatih Pinang Sebatang yang dibawa dari Minangkabau. Alat-alat kebesaran ini terdiri daripada sebilah keris, sebatang tombak dan satu cop mohor yang dibawa dari Minangkabau. Selain itu, terdapat juga sehelai baju sutera yang dikenali sebagai Baju Sekepal

Setampuk Pinang.<sup>60</sup> Baju ini lengkap dengan sampung dan tanjaknya sekali.<sup>61</sup> Dalam Bahasa Arab, baju ini dipanggil Baju Sundusin Waistabrakin. Hal ini kerana, baju ini dikatakan berasal dari sana.<sup>62</sup> Alat-alat kebesaran ini merupakan alat persalinan lengkap yang diwarisi sejak turun-temurun dari Minangkabau. Alat-alat kebesaran ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri.<sup>63</sup>

Dato' Penghulu Naning mempunyai keistimewaan tertentu. Dato' Penghulu ini mempunyai lima martabat iaitu Penghulu adalah sebagai Raja, Penghulu pemerintah, alim ulama, Panglima dan Pawang.<sup>64</sup> Dato' Penghulu dikatakan seorang yang mempunyai ilmu kebatinan yang tinggi. Mereka mempunyai keistimewaan yang tidak terdapat pada pembesar-pembesar yang lain. Hal ini kerana Penghulu Naning dikatakan berketurunan dari Arab iaitu keturunan Iskandar Zulkanain. Keistimewaan yang dimiliki ini memberi kelebihan kepada Dato' Penghulu Naning. Gelaran Dato' Naning diambil daripada penyengat Naning yang dikatakan sentiasa mengikut ke mana sahaja Dato' Penghulu pergi. Dengan ini, gelaran Dato' Naning kekal digunakan sehingga sekarang.<sup>65</sup>

Dato' Penghulu mempunyai peranan dan tanggungjawab yang sama seperti Raja-raja Melayu yang lain. Dato' Penghulu berperanan terhadap luaknya dan mempunyai kuasa mutlak dengan boleh menjatuhkan hukuman bunuh kepada pesalah. Dato' Penghulu adalah bertanggungjawab mentadbir, memutuskan segala keputusan dan melaksanakan undang-undang adat dalam luaknya. Bidang kuasa Penghulu pula adalah mengenakan denda berpandukan ketetapan adat, membuat pengisytiharan undang-undang atau peraturan baru, menjatuhkan hukuman mati dan mengenakan denda bagi masalah atau kes-kes yang beliau putus sendiri. Sebagai ketua tertinggi dalam pentadbiran, Dato' Penghulu bertanggungjawab menjaga dan melindungi anak buah yang berada di bawahnya. Selain menjaga kebaikan anak-anak buahnya, Dato' Penghulu juga bertanggungjawab melindungi tanah dan hutan yang terdapat di sekitar Naning.<sup>66</sup> Dato' Penghulu merupakan ketua negeri yang mendapat penghormatan yang tinggi daripada rakyatnya. Pentadbiran yang dijalankan adalah secara adil dan saksama.

### **Perlantikan Penghulu Naning**

Jawatan Penghulu Naning merupakan jawatan yang ditentukan secara perwarisan dan ada juga ditentukan secara pemilihan mengikut peraturan yang telah ditetapkan supaya hanya waris atau calon yang benar-benar layak dan sah sahaja dapat memegang jawatan ini.<sup>67</sup> Adat melantik Penghulu Naning adalah penuh adat istiadat. Perlantikan ini tidak boleh dilakukan sebarang sahaja melainkan menurut keturunan yang layak dan berasal dari keturunan Pagar Ruyung, Minangkabau.<sup>68</sup>

Setelah kematian Dato' Penghulu, perlantikan Dato' Penghulu yang baharu hendaklah dilakukan dengan segera. Perlantikan Dato' Penghulu yang

baru ini dilakukan sebelum jenazah Dato' Penghulu dikebumikan. Semasa jenazah dimasukkan ke dalam taraju (lahad), Dato' Naning yang telah dilantik diadatkan masuk ke dalam lahad dan memakamkannya. Ini bermaksud supaya penggantian Undang Naning berpanjangan iaitu sentiasa ada penggantinya, seperti yang dikatakan dalam perbilangan:

Undang nan bokolantasan,  
Hidup mati kopado Undang,  
Undang nan monitikkan,  
Kok molenggeng tak tosangkut,  
Kok molonjak tak tosorundak,  
Sabda Undang Kato kemudian nan tak bocari.<sup>69</sup>

Perlantikan Dato' Penghulu ini adalah dilakukan oleh Lembaga Empat Suku. Lembaga Empat Suku ini yang terdiri daripada Tiang Isi Balai yang bertanggungjawab dalam menentukan pemilihan dan perlantikan Dato' Penghulu. Berdasarkan Perlembagaan Adat, jawatan Penghulu mestilah dipegang oleh anak lelaki dari saudara perempuan Penghulu sebelumnya. Penggantian Dato' Naning adalah mengikut giliran Perut. Jika Penghulu yang ada itu dari perut pertama maka yang akan menggantikannya nanti ialah perut kedua tetapi jika perlu dipangku, maka itu adalah tugas perut ketiga. Jika perut kedua menyandang jawatan Penghulu maka yang akan menggantikannya ialah giliran perut ketiga dan pemangkunya ialah perut pertama. Sekiranya yang menjadi Penghulu ialah perut ketiga maka yang menggilir nanti ialah perut pertama dan dipangku oleh perut kedua.<sup>70</sup>

Walaupun pemilihan dan perlantikan Dato' Penghulu dilakukan oleh Lembaga Penasihat, tetapi anak-anak buah mempunyai hak atau suara untuk mencadangkan nama-nama yang difikirkan layak. Di sini, Lembaga Pensihat memainkan peranan yang cukup penting dalam menentukan penggantian Penghulu Naning. Anak-anak buah mempunyai suara dalam pemilihan. Perkara ini pernah berlaku dalam pemilihan Penghulu bagi menggantikan Dato' Penghulu Anjak, Ketua-ketua Empat Suku telah menolak penggantinya yang sebenar kerana pemilihannya tidak disukai oleh anak-anak buah dan kurang cekap. Disebabkan inilah, Dato' Dol Said telah dilantik menjadi Penghulu Naning yang kesembilan.<sup>71</sup>

Setelah pemilihan dibuat oleh Lembaga Empat Suku ini, maka diadakan upacara istiadat perlantikan yang merupakan adat istiadat yang dilakukan kepada bakal Penghulu Naning sejak turun-temurun. Setelah pemilihan dan perlantikan bakal Dato' Penghulu Naning yang baharu dibuat, bakal Penghulu tersebut menjalankan istiadat bersiram dengan sebiji buah limau.<sup>72</sup>

Setelah menjalankan istiadat bersiram ini, bakal Dato' Penghulu Naning dipakaikan baju kesaktian kebesaran iaitu baju sutera yang dinamakan

Baju Sekepal Setampuk Pinang sebagai ujian ke atasnya. Ujian pemakaian baju ini adalah dilakukan ke atas setiap bakal Penghulu Naning. Baju sutera ini adalah ujian ke atas bakal Penghulu Naning sama ada beliau layak atau tidak dengan jawatan tersebut. Baju sutera tersebut hanya akan muat dipakai oleh orang yang benar-benar layak memegang jawatan Penghulu Naning. Hal ini berikutan, baju Sekepal Setampuk Pinang hanya sekepal sahaja apabila digenggam dan lehernya hanya sebesar dua jari sahaja atau setampuk pinang.<sup>73</sup> Sekiranya bakal Dato' Penghulu Naning berjaya memakai baju tersebut, maka beliau layak dengan jawatan tersebut dan seterusnya akan ditabalkan sebagai Dato' Penghulu Naning yang baharu dengan gelaran Orang Kaya Seri Raja Merah.

Semasa pertabalan Dato' Naning ini, pembesar-pembesar Naning yang menjadi tunggak pentadbiran Naning akan hadir. Mereka ini terdiri daripada Lembaga Penasihat yang dikenali dengan Tiang Isi Balai yang terdiri daripada Dato' Raja Nan Kaya dari suku Semelanggang, Dato' Andika raja dari suku Anak Melaka, Dato' Lela Membangun dari suku Tiga Batu dan Dato' Orang Kaya Kechil dari suku Mungkal.<sup>74</sup>

Istiadat pertabalan Dato' Penghulu Naning merupakan istiadat yang dijalankan mengikut adat yang dilakukan sejak turun-temurun. Istiadat yang dilakukan adalah menunjukkan kebesaran yang dimiliki oleh Dato' Penghulu yang dikatakan berasal dari keturunan Raja di Pagar Ruyung. Dato' Penghulu Naning diadatkan mempunyai kuasa tertinggi dan pemutus dalam wilayah Adat Perpatih Naning.

## **Portugis Dan Belanda Di Naning**

Seperti yang dinyatakan di atas, pentadbiran Luak Naning adalah berdasarkan kepada Adat Perpatih. Adat Perpatih merupakan satu peraturan atau undang-undang yang diguna pakai bukan sahaja dalam pentadbiran Naning malah digunakan dalam kehidupan seharian masyarakat Naning. Masyarakat Naning pada zaman ini amat mementingkan Adat Perpatih dalam setiap perilaku mereka. Adat Perpatih sekaligus adalah peraturan hidup bermasyarakat dan berpolitik serta pentadbiran negara yang terjalin dengan konsep demokrasi.<sup>75</sup>

Setiap perkara yang dilakukan dalam pentadbiran adalah mengikut undang-undang dalam Adat Perpatih. Adat Perpatih yang dibawa dari Minangkabau oleh Datuk Perpatih Pinang Sebatang ini merupakan tunggak utama yang dirujuk dan digunapakai dalam pentadbiran Naning. Naning yang ditadbir oleh Dato' Penghulu dengan dibantu oleh pembesar-pembesar tempatan menjalankan pentadbiran secara adil dan saksama kepada penduduknya.

Naning merupakan sebuah negeri yang subur dan banyak mengeluarkan hasil seperti padi, bijih timah, rotan, gambir dan buah-buahan.<sup>76</sup> Kekayaan hasil Naning inilah menyebabkan Naning menjadi tarikan kuasa-kuasa Barat untuk mendapatkan hasil yang dikeluarkan oleh Naning dan tidak

kurang juga untuk menakluk Nanning. Bermula dengan penjajahan Portugis ke atas Melaka pada 15 Ogos tahun 1511<sup>77</sup>, diikuti dengan kedatangan Belanda pada tahun 1641<sup>78</sup> dan British pada tahun 1795 yang akhirnya menyebabkan Nanning dimasukkan ke dalam pentadbiran negeri Melaka pada tahun 1832.

Penjajahan Portugis ke atas Melaka tidak begitu menjejaskan pentadbiran Nanning. Tidak banyak rekod-rekod yang mencatatkan mengenai kedudukan Portugis di Nanning. Sebelum Portugis menakluk Melaka, orang Minangkabau yang datang ke Nanning telah melantik beberapa orang di kalangan mereka menjadi ketua pemerintah di Nanning. Mereka yang dilantik ini terdiri daripada empat orang suku-suku yang terbesar yang terdapat di Nanning. Mereka menggunakan gelaran Datuk dan mereka-lah yang memerintah Nanning sebelum Portugis memerintah Bandar Melaka.<sup>79</sup>

Semasa pemerintah Portugis di Bandar Melaka, hubungan Nanning dan Portugis adalah atas dasar perdagangan. Orang-orang Nanning telah membawa barang-barang dagangan seperti padi, buah-buahan, pinang dan sirih.<sup>80</sup> Selain hubungan perdagangan ini, Portugis juga telah meletakkan Nanning di bawah awasan seorang Temenggung bangsa Portugis dan orang-orang Nanning dikehendaki membayar cukai kepada Portugis. Dikatakan bahawa memang terdapat hubungan tadbiran dan perniagaan antara Nanning dan Portugis di Melaka. Walaupun Portugis telah menempatkan seorang Temenggung untuk mengawasi Nanning, namun tidak dapat dipastikan kedudukan Penghulu Nanning sebagai satu luak berdasarkan peraturan adat. Walaubagaimanapun, kehidupan mengikut cara adat masih diteruskan. Hal ini menunjukkan bahawa Penghulu Nanning masih berkuasa sebagai ketua luak, tetapi diawasi oleh Portugis melalui pengawasan Temenggung.<sup>81</sup> Penghulu dan pembesar empat suku masih lagi berkuasa menjalankan pentadbiran. Portugis tidak mengganggu perjalanan pentadbiran Nanning yang sedia ada. Mereka hanya menjalankan perniagaan dengan orang-orang Nanning.

Pada tahun 1641, pentadbiran Melaka telah bertukar tangan kepada pentadbiran Belanda. Belanda yang menguasai Melaka juga tidak ketinggalan cuba menguasai Nanning. Seperti Portugis, Belanda juga telah mengawasi pentadbiran Nanning. Belanda telah menggantikan jawatan Temenggung yang diadakan oleh Portugis dengan jawatan '*procurator*' yang ditugaskan menentukan supaya fasal-fasal perjanjian dituruti oleh Nanning. Selain itu, Belanda juga telah meletakkan seorang '*Captain*' di Nanning. Jawatan '*Captain*' ini terdiri di kalangan orang besar Nanning.<sup>82</sup>

Ketika Belanda di Melaka, Belanda telah menghantar beberapa orang pegawainya di Bandar Melaka untuk mengadakan hubungan dengan Datuk-datuk pembesar Empat Suku yang mentadbir Nanning. Pegawai-pegawai Belanda ini telah ke Nanning dan mengadakan rundingan dengan Datuk-datuk Empat Suku dan orang-orang tua Nanning. Dalam rundingan ini, Datuk-datuk Empat Suku dan orang-orang tua Nanning bersetuju melantik seorang Penghulu di Nanning untuk menjadi ketua pentadbir di Nanning.<sup>83</sup> Seperti yang

dinyatakan sebelum ini, telah ada Penghulu di Naning namun tiada rekod atau dokumen yang mengesahkannya. Setelah kehadiran Belanda barulah rekod mengenai Penghulu wujud. Melalui rekod yang wujud inilah, dikatakan bahawa Penghulu Naning yang pertama wujud ketika zaman pemerintahan Belanda. Penghulu pertama yang dilantik dan mendapat pengesahan daripada Gabenor Belanda di Melaka adalah dari suku Biduanda dengan menggunakan gelaran Orang Kaya Datuk Seraja Merah.<sup>84</sup> Sejak perlantikan inilah, Penghulu-penghulu Naning yang dilantik seterusnya mesti mendapat pengesahan daripada Gabenor Belanda di Melaka. Dalam tempoh pemerintahan Belanda ini, seramai sembilan orang Penghulu Naning telah dilantik.

Sejak awal pemerintahan Belanda lagi, Belanda mendesak Naning mendatangi perjanjian dengan Belanda. Maka pada 15 Ogos 1641 telah terbentuk satu perjanjian antara Belanda dan Naning.<sup>85</sup> Perjanjian ini menyatakan Naning dan kampung-kampung sekitarnya yang termasuk dalam daerah Naning diletakkan di bawah pemerintahan Belanda.<sup>86</sup> Perjanjian ini juga menyatakan Naning dikehendaki membayar cukai kepada Belanda dan mengkehendaki Penghulu mengadap Gabenor Belanda di Melaka pada tiap-tiap tahun untuk mendapatkan nasihat tentang cara-cara pemerintahan.<sup>87</sup> Perjanjian ini adalah dikatakan berat sebelah kerana lebih memberi kelebihan kepada pihak Belanda. Walaubagaimanapun, perjanjian yang mengandungi 23 fasal ini tidak diikuti oleh pihak Naning kerana perjanjian ini tidak menguntungkan pihak Naning.

Pada zaman Belanda ini, walaupun Penghulu tertakluk di bawah perintah Belanda namun, hukuman bunuh adalah tertakluk kepada Penghulu Naning sendiri. Pada tahun 1807 masih lagi didapati bahawa Penghulu Naning masih berkuasa menjalankan pemerintahannya dalam luak Naning termasuklah juga hal-hal yang berkaitan dengan hukuman bunuh. Tambahan pula didapati bahawa tiada keterangan yang menunjukkan Penghulu atau pembesar-pembesar Naning yang lain datang mengadap ke Melaka pada tiap-tiap tahun. Keadaan ini kekal sehinggalah Naning jatuh ke tangan British.<sup>88</sup>

Pada tahun 1795, Belanda telah menyerahkan Melaka kepada British berikutan perang yang berlaku di Eropah dan Perancis telah menduduki Negara Belanda. Belanda telah menyerahkan Melaka untuk ditadbir oleh British buat sementara waktu bagi mengelakkan daripada ditawan oleh Perancis. Penyerahan Melaka kepada British oleh Belanda ini berasaskan syarat yang telah dilaksanakan oleh Belanda.<sup>89</sup> British telah menduduki Melaka antara tahun 1795 hingga 1818<sup>90</sup> buat pertama kalinya. Semasa pendudukan ini juga, British telah menganggap Naning sebagai sebahagian daripada Melaka dan British berjaya mengadakan perjanjian dengan Naning pada tahun 1801.<sup>91</sup> Residen British di Melaka telah melawat Naning dan berjaya mengadakan perjanjian di antara kedua-dua pihak.<sup>92</sup> Termetarinya perjanjian ini, maka Dol Said disahkan sebagai Penghulu Naning yang ke sembilan menggantikan bapa saudaranya yang telah uzur iaitu Dato' Anjak<sup>93</sup> dan diberi cop Kompeni India

Timur Inggeris serta hendaklah mematuhi arahan Kompeni.<sup>94</sup>

Perjanjian 1801 yang ditandatangani oleh pihak British dan pihak Penghulu Dol Said<sup>95</sup> menyatakan bahawa Naning dikehendaki membayar hasil padi setiap tahun iaitu sebanyak 400 gantang kepada British seperti yang pernah dilakukan oleh pihak Belanda dahulu.<sup>96</sup> Bayaran ini sebagai tanda yang menunjukkan Naning sebagai jajahan takluk Melaka dan dikehendaki pada setiap tahun Penghulu Naning atau wakilnya yang terdiri daripada Datuk-datuk Naning mengadap Residen Inggeris di Bandar Melaka membawa hasil padi tersebut.<sup>97</sup> Pada tahun 1807, Kolonel Robert Farquhar telah mengiytiharkan bahawa hukuman jenayah di Naning hendaklah diselesaikan di Melaka. Kenyataan British ini bertentangan dengan pentadbiran Belanda dahulu. Hal ini kerana Belanda tidak campur tangan dalam hal ehwal pentadbiran Naning. Pengambilan semula Melaka dari tangan British pada tahun 1818 selepas perang Napoleon memberi kebebasan semula kepada Naning.<sup>98</sup> Namun, kebebasan ini hanya untuk beberapa tahun sahaja. Pada tahun 1825, Melaka kembali kepada pentadbiran British. Peralihan kuasa pentadbiran ini berikutan Belanda telah menukarkan Bangkahulu dengan Melaka<sup>99</sup> melalui perjanjian dengan British pada 17 Mac 1824<sup>100</sup> yang dikenali dengan Perjanjian Inggeris-Belanda.<sup>100</sup> Manakala British pula telah menyerahkan Bangkahulu di Sumatera Barat kepada Belanda.<sup>101</sup>

Kuatkuasanya British di Melaka semula menyebabkan pentadbiran Naning mula terganggu. British mula cuba memonopoli hasil tempatan termasuk di kawasan pedalaman seperti Naning. Gabenor Negeri-negeri Selat, Robert Fullerton mendakwa bahawa Naning adalah sebahagian daripada Melaka.<sup>103</sup> Namun, kenyataan ini dinafikan oleh Penghulu Dol Said dengan menyatakan bahawa Naning adalah sebuah negeri yang bebas dan merdeka. Pada tahun 1827, Robert Fullerton mengarahkan pagawainya iaitu W. T. Lewis pergi ke Naning dan menyiasat hal yang berkaitan tanah dan orang-orang besar Naning.<sup>104</sup> W.T. Lewis dalam laporannya menyatakan bahawa Naning adalah sebahagian daripada Melaka dan wajib membayar hasil tahunan sebanyak satu persepuluh.<sup>105</sup> Berdasarkan laporan ini, pihak British mendesak Naning menghantar hasil tahunan sebanyak satu persepuluh ke Melaka, melarang Penghulu Dol Said menyelesaikan kes jenayah di Naning dan undang-undang yang dilaksanakan di Melaka juga mestilah dilaksanakan di Naning.<sup>106</sup> Selain itu, apabila Negeri-negeri Selat terbentuk, undang-undang Negeri Selat juga akan dikuatkuasakan di Naning. Beliau juga menyatakan bahawa Naning adalah sebahagian daripada jajahan Melaka sejak tahun 1640 lagi.<sup>107</sup> Arahan ini tidak dihiraukan oleh Penghulu Dol Said kerana Naning adalah negeri yang bebas dan menyatakan Naning tidak wajib menghantar satu persepuluh hasil tahunan kepada British dan undang-undang Negeri Selat tidak boleh dilaksanakan di Naning.

Pada tahun 1828, Dol Said telah ingkar arahan British. Tindakan Dol Said ini menyebabkan British cenderung untuk meletakkan Naning di bawah



penguasaan British. Dol Said telah bertindak sebagai pengadil bagi satu kes pembunuhan di Naning dan menghukum saudara pihak yang dibunuh dari pembunuh itu sendiri.<sup>108</sup> Tindakan Dol Said ini diberi amaran oleh British. Selain itu, Dol Said juga tidak pernah memenuhi jemputan atau arahan Gabenor Fullerton datang ke Melaka menemuinya. Selain itu, Dol Said juga melarang pengikut-pengikutnya membantu British menjalankan banciaan di Naning.<sup>109</sup> Dol Said bertindak demikian kerana tindakan British campur tangan dalam pentadbiran Naning adalah tidak wajar. Malah langkah British mengarahkan supaya segala kes jenayah yang berlaku di Naning diselesaikan di Melaka bukan sahaja mengurangkan bidang kuasa kehakiman Penghulu Dol Said, malah akan mengganggu perundangan Naning yang berlandaskan kepada Adat Perpatih. Selain itu, tindakan British ini juga menjejaskan kekuasaan dan kewibawaan Penghulu Dol Said sebagai pemimpin Naning.<sup>110</sup>

Pada Julai 1829, Thomas Church, Timbalan Residen Melaka telah diarahkan oleh Residen Konsular Melaka, Sir Samuel Garling ke Melaka untuk memberi amaran kepada Dol Said supaya mematuhi arahan Kompeni. Sekiranya Dol Said menentang maka pihak British akan melucutkan jawatannya.<sup>111</sup> Thomas Chrush telah berunding dengan Penghulu Dol Said dan menyatakan bahawa Naning adalah sebahagian daripada Melaka, Penghulu tidak boleh menjalankan perbicaraan sebaliknya membawa semua kes ke Melaka. Di samping itu, Thomas Chrush menawarkan pencen kepada Penghulu dan Pembesar Empat Suku.<sup>112</sup> Namun, Penghulu Dol Said menolak cadangan tersebut.<sup>113</sup> Thomas Chrush mengakui bahawa amat susah mengganggu atau membuang kewibawaan undang-undang Penghulu.

British mula campur tangan di Naning apabila berlakunya satu peristiwa di Panchor, Melaka apabila Encik Surin melaporkan kepada Samuel Garling<sup>114</sup> bahawa pengikut-pengikut Dol Said telah mengambil buah duku di kebun miliknya. Samuel Garling telah menulis surat kepada Dol Said menyatakan bahawa buah duku yang diambil adalah berada dalam kawasan Melaka bukannya Naning.<sup>115</sup> Samuel Garling juga dalam suratnya menuntut Dol Said membayar ganti rugi kepada Encik Surin. Dol Said menyatakan kepada British dalam surat jawapannya bahawa beliau tidak akan membayar ganti rugi kepada Encik Surin kerana dusun dukun tersebut kepunyaannya yang diwarisi daripada nenek moyangnya dahulu.<sup>116</sup> Residen British berpendapat bahawa hanya British yang boleh menentukan hak tanah tersebut dan ini merupakan satu penghinaan kepada Dol Said. British juga menyatakan bahawa Panchor bukan dalam Luak Naning dengan mengarahkan Penghulu Durian Tunggal menyiasat tentang sempadan antara Naning dengan Parit Melana. Masalah tanah Encik Surin ini menyebabkan Dol Said diberi amaran oleh British bahawa beliau boleh dilucutkan jawatan daripada menjadi Penghulu.<sup>117</sup>

Kemasukan British ke Melaka dan campur tangan mereka dalam pentadbiran Naning menyebabkan timbul rasa tidak puas hati di kalangan pembesar Naning. Rasa tidak puas hati ini menyebabkan timbulnya tentangan

daripada orang-orang Naning. Kebangkitan penentangan ini bermula apabila keengganan Naning mematuhi arahan British. Keengganan ini menyebabkan British melancarkan serangan ke atas Naning. Serangan yang dilancarkan buat pertama kali ke atas pusat pentadbiran Naning iaitu Taboh telah memihak kepada Naning. British yang berasa malu dengan kekalahan ini telah melancarkan serang kali kedua pada tahun 1832 dengan mengadakan pakatan dengan Rembau yang sebelum ini telah membantu Naning dari serangan British. Dengan bantuan yang diberikan oleh Rembau dan kekuatan serta senjata yang dimiliki oleh tentera British menyebabkan Naning tewas akhirnya. Pada 15 Ogos 1832, British berjaya menawan Taboh yang merupakan pusat pentadbiran Naning. Kekalahan ini menyebabkan Naning dimasukkan ke dalam negeri Melaka dan diletakkan dalam daerah Alor Gajah. Naning kemudiannya diletakkan di bawah peraturan Negeri-negeri Selat pada 27 Oktober 1832. Walaupun Naning telah tewas kepada British, tetapi British gagal menangkap Penghulu Dol Said. Dengan ini, British telah mengeluarkan kenyataan bahawa ganjaran akan diberikan sebanyak dua ribu ringgit sekiranya berjaya menangkap Dol Said yang telah lari dari Naning.<sup>118</sup>

## **Kesimpulan**

Naning merupakan negeri kecil yang istimewa kerana merupakan satu-satunya negeri di Tanah Melayu yang diperintah oleh Penghulu. Walaupun Naning pernah dijajah oleh Portugis dan Belanda, namun pentadbiran Naning ketika itu tidak mengalami perubahan dan kesan yang ketara. Hal ini berikutan Portugis dan Belanda tidak melakukan perubahan yang besar ke atas pentadbiran Naning. Penghulu masih lagi diakui sebagai pemerintah yang mutlak. Namun, setelah kedatangan British ke Melaka dan pengambilalihan kuasa pentadbiran pada 1832, Luak Naning telah menjadi sebahagian daripada negeri Melaka dan dimasukkan ke dalam daerah Alor Gajah. Peralihan ini menyebabkan berlaku perubahan yang begitu ketara dalam pentadbiran Naning.

## **Nota Akhir**

1. Siti Maisarah Bakar kini bertugas sebagai Kurator Di Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara.
2. Dr. Zulkanain Abdul Rahman bertugas sebagai Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
3. Naning mendapat nama daripada penyengat Naning yang berwarna kuning. Orang-orang Minangkabau yang menjumpai binatang ini di atas bukit tiga sejajar semasa mereka datang berhijrah ke Tanah Melayu. Binatang ini merupakan penyengat yang berbisa yang tinggal di dalam tanah. Berikutan dengan itu, kumpulan Minangkabau tersebut mengambil nama binatang tersebut untuk di namakan nama

negeri.

4. L.A. Mills, "The Naning War", *British Malaya 1824-67*, MBRAS, Reprint No. 22, 2003, hlm. 137. Lihat juga Dato Dr. Mohd Rosli Saludin, *Naning Luak Terbilang*, Penang: Goalintelligent Publishing Sdn. Bhd., 2007, hlm. 1. K. G. Tregonning, *A History of Modern Malaya*, hlm. 112. T. J. Newbold menyatakan bahawa keluasan Naning adalah 400 batu persegi. Lihat, T. J. Newbold, *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hlm. 190.
5. Sejarah Melayu menyatakan bahawa jarak Naning dari bandar Melaka adalah 10 batu. Manakala Shaha pula menyatakan bahawa jarak Naning adalah sejauh 21 batu dari Bandar Melaka. Shaha, *Pesaka Naning*, Kuala Pilah, Sentosa Store, 1951, hlm. 17.
6. Abdul Karim Abdullah dan Ghazali Basri, *Latar Belakang dan Sejarah Malaysia Modern*, Kuala Lumpur: Penerbitan Abadi Sdn. Bhd., 1979, hlm. 90. Menurut banci pada tahun 1829, jumlah orang Melayu di Naning adalah seramai 4,875 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,200 Orang Melayu yang layak berperang. Shaha, *Pesaka Naning*, hlm. 17. Akhbar Singapura pula melaporkan jumlah penduduk Naning pada tahun 1829, adalah seramai 4,300 orang. Lihat, *Singapore Chronicle*, 11 Ogos 1831. Manakala menurut P. J. Begbie pula, jumlah penduduk Naning adalah seramai 6,000 orang termasuk lelaki, perempuan dan kanak-kanak. Daripada jumlah ini seramai 1,500 orang yang layak memegang senjata untuk berperang. Anggaran Begbie ini adalah berdasarkan kepada setiap rumah mempunyai anggaran jumlah isi rumah seramai lima orang. P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, Kuala Lumpur: Oxford university Press, 1967, hlm. 149. Horace St. John juga menyatakan jumlah penduduk Naning pada peringkat awal adalah seramai 6000 orang. Lihat, Horace St. John, *The Indian Archipelago Its History and Present State, Vol. II*, London: Longman, Brown, Green and Longmans, 1853, hlm. 91.
7. *Koleksi Pameran Raja Berdaulat*, Negeri Beradat, Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia, 2004, hlm. 32.
8. Orang Minangkabau merupakan penduduk asal kawasan yang kini dikenali sebagai Sumatera Barat di Indonesia. Orang Minangkabau adalah orang Melayu memandangkan bahasanya yang hampir sama. Ramai pengkaji Barat misalnya pengkaji Belanda menganggap orang Minangkabau sebagai Melayu. Sebuah Tambo Minang menulis tentang asal-usul nama Minangkabau iaitu dari kemenangan lagu kerbau dengan tentera Majapahit.
9. Dato' Mohd. Shah bin Mohd. Said al-Haj, *Tambo Alam Naning*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm. 146-149.

10. Zainal Kling, Adat Minangkabau di Naning (Melaka): Beberapa Perubahan Struktur, dalam Adbul Latif Abu Bakar (ed.), *Sejarah di Selat Melaka*, Melaka, Persatuan Sejarah Malaysia, 1984, hlm. 81.
11. Adat Perpatih adalah satu kebudayaan yang dibawa oleh orang-orang Minangkabau. Adat Perpatih ini bukan sahaja diamalkan di Naning, malah di amalkan di Negeri Sembilan kecuali daerah Port Dickson. Adat Perpatih ini bukan sahaja menjadi resam dan kebiasaan bagi orang-orang Melayu Negeri Sembilan dan Naning dalam peraturan hidup bermasyarakat hari-hari, malah lebih dari itu, Adat Perpatih adalah 'hukum' yang menjelma dalam sistem sosial masyarakatnya di samping dipakai juga dalam pentadbiran negeri. Naning mengamalkan Adat Perpatih seperti Negeri Sembilan kerana ada sesetengah pendapat dan rekod yang menyatakan Naning dahulunya adalah sebahagian daripada Negeri Sembilan. Oleh yang demikian, Naning dilihat mempunyai kebudayaan yang mirip dengan Negeri Sembilan dari segi adat, dialek percakapan dan budaya. Lihat, Manuskrip, "Notes on Naning Customs (Probably by Innes)", sumber: Hervey, Dudley Francis Amdius, T.T.
12. Zainal Kling, Adat Minangkabau di Naning (Melaka): Beberapa Perubahan Struktur, dalam Adbul Latif Abu Bakar (ed.), *Sejarah di Selat Melaka*, hlm. 85.
13. Zainal Kling, "Sejarah Adat Perpatih Wilayah Naning di Melaka", dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Melaka dan Sejarahahnya*, Melaka: Persatuan Sejarah Melaka Cawangan Melaka, 1982, hlm. 45.
14. Manuskrip, "Notes on Naning Customs (Probably by Innes)", sumber: Hervey, Dudley Francis Amdius, T.T.
15. Musa bin Bulat, "Pentadbiran di Masyarakat Naning: Dahulu dan Sekarang, dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Melaka Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1982, hlm. 162. Suku-suku di Naning juga adalah diambil namanya sempena dengan nama tempat. Lihat, Adat Naning, Short-Notes by Mr. A. B. Ramsay Relating to the Naning Custom in Malacca, R. C. Selangor 567/1946 dalam SUK Negeri Selangor.
16. Zainal Kling, "Sejarah Adat Perpatih Wilayah Naning di Melaka", dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Melaka dan Sejarahahnya*, hlm. 45-46.
17. Normah Mansor, "Sejarah Perkembangan Politik dan Pentadbiran Naning Sehingga Tahun 1948", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1995/1996, hlm. 19.
18. Zainal Kling, Adat Minangkabau di Naning (Melaka): Beberapa Perubahan Struktur, dalam Adbul Latif Abu Bakar (ed.), *Sejarah di Selat Melaka*, hlm. 85.
19. Ibid.
20. Normah Mansor, "Sejarah Perkembangan Politik dan Pentadbiran

- Naning Sehingga Tahun 1948”, hlm. 25.
21. Ibid., hlm. 25-26.
  22. Kerjan bermaksud kerajaan. Kerjan merupakan istilah dalam bahasa Minangkabau. Penggunaan bahasa Minangkabau masih lagi kekal digunakan dalam percakapan dan pentadbiran masyarakat Taboh Naning sehingga sekarang.
  23. Dato’ Dr. Mohd. Rosli Saludin, *Naning Luak Terbilang*, hlm. 47.
  24. T.J., Newbold, *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hlm. 239-240.
  25. Musa bin Bulat, “Pentadbiran di Masyarakat Naning: Dahulu dan Sekarang, dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Melaka Dahulu dan Sekarang*, hlm. 164.
  26. T.J., Newbold., *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, hlm. 240.
  27. Musa bin Bulat, “Pentadbiran di Masyarakat Naning: Dahulu dan Sekarang, dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Melaka Dahulu dan Sekarang*, hlm. 164.
  28. Ibid., hlm. 165.
  29. T.J., Newbold., *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, hlm. 240.
  30. P.J., Begbie, *The Malayan Peninsula*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967, hlm. 147-148.
  31. Ibid., hlm. 148.
  32. Haji Al-Sagap Haji Lasim, *Desa Warisan: Batang Melaka, Asal-Usul dan Kepimpinan Silam*, 2007, hlm. 72.
  33. Dato’ Dr. Mohd. Rosli Saludin, *Naning Luak Terbilang*, hlm. hlm. 16.
  34. Haji Bokhari bin Haji Said, “Sejarah Penghulu di Melaka”, *Jurnal Sejarah Melaka*, Bil. 2, November 1977, hlm. 21.
  35. Haji Bokhari bin Haji Said, “Sejarah Penghulu di Melaka”, *Jurnal Sejarah Melaka*, Bil. 2, November 1977, hlm. 22.
  36. Newbold menyatakan bahawa Negeri Sembilan yang asal mengandungi luak-luak Kelang, Sungai Ujung, Naning, Jelai, Ulu Pahang, Johol, Segamat dan Jelebu. Lihat, J. E. Nathan dan R. O. Winstedt (ed.), “Johor: Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunong Pasir and Terachi, Their History and Constitution”, *Paper on Malay Subjects*, States Government Press, Kuala Lumpur, 1941, hlm. 1.
  37. Darus Ahmad, *Dol Said Pahlawan Naning*, Sinaran Bros Limited, 1957, hlm. 6.
  38. Munsyi Abdullah, *Hikayat Abdullah*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd., 1997, hlm. 290.
  39. Shahba, *Pesaka Naning*, Negeri Sembilan: Sentosa Store, 1951, hlm. 18.

40. Darus Ahmad, *Dol Said Pahlawan Naning*, hlm. 4.
41. Mubin Sheppard, "Makam Dato' Abdul Said, Dato' Naning", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, No. 5, Jun 1969, hlm. 14.
42. Haji Al-Sagap Haji Lasim, *Desa Warisan: Batang Melaka, Asal-Usul dan Kepimpinan Silam*, hlm. 69.
43. Perjanjian ini adalah di antara Gabenor Belanda di Melaka dan pegawai-pegawai Belanda dengan wakil-wakil Naning yang ditandatangani pada 15 Ogos 1641. Perjanjian ini ditandatangani oleh Dato' Lela Pahlawan (Kapten Naning), Bangsa Diraja dan Raja Merah Perpatah Sowatan Maranga Mata Merah bagi pihak Naning dengan Joan van Twist (Gabenor Belanda di Melaka), Anthonio Hurt, Gerard Herbers, J. Lamotius, Jan Verpoorten, Pieter Baack, Laurens Forsenburgh, Jan Jansz Menie dan Adriaan Hooftkamp (Setiausaha Kerajaan). Perjanjian ini mengandungi 23 fasal. Antaranya menyebut tentang bayaran cukai yang dikehendaki dibayar oleh Naning kepada Belanda di Melaka.
44. Mubin Sheppard, "Makam Dato' Abdul Said, Dato' Naning", hlm. 14.
45. Abdullah Zakaria Ghazali, "Sejarah Ringkas Naning", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 27, 1999, hlm. 17-18.
46. Munsyi Abdullah, *Hikayat Abdullah*, hlm. 291.
47. Abdullah Zakaria Ghazali, "Sejarah Ringkas Naning", hlm. 18.
48. Munsyi Abdullah, *Hikayat Abdullah*, hlm. 291.
49. Juara Megat merupakan orang yang diperintahkan untuk membunuh Genta Delangit. Genta Delangit telah melarikan gundik Sultan Johor ke Melaka. Berikutan ini, Sultan Johor telah meinta bantuan daripada Datuk Arum supaya menangkap dan membunuh Genta Delangit dan mengambil kembali gundik yang telah dilarikan. Datuk Arum telah meminta Juara Megat dari Naning untuk melaksanakan perintah tersebut. Juara Megat telah meminta senjata daripada Datuk Arum untuk membunuh Genta Delangit dan Datuk Arum telah menyerahkan kerisnya kepada Juara Megat. Genta Delangit telah melarikan diri ke Muar setelah mengetahui perkara tersebut. Namun, Genta Delangit akhirnya dapat ditangkap dan dibunuh oleh Juara Megat serta menyerahkan kembali gundik kepada Sultan Johor. Dengan kejayaan ini, Sultan Johor telah menghadihkan Juara Megat persalinan, sebilah pedang budak sekelamin iaitu seorang lelaki dan seorang perempuan, sehelai baju dan tanah di Gemencheh. Lihat Munsyi Abdullah, *Hikayat Abdullah*, hlm. 291. dan juga T.J., Newbold., *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, hlm. 220-222.
50. T.J., Newbold., *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, hlm. 222.
51. Menurut Jonathan Cave, Penghulu Naning ke empat bukanlah Dato'

- Gegah sebaliknya ialah Dato' Kekak (Zohri). Lihat Jonathan Cave, Naning in Melaka dan juga Manuskrip Monograf Naning in Melaka oleh Jonathan Cave, (Sumber: Mubin Sheppard), T.T.
52. Jonathan Cave menyatakan Penghulu ke lima Naning ialah Dato' Gahan Berhulu bukannya Dato' Maulana Garang seperti yang dinyatakan oleh Abdullah Munsyi dalam *Hikayat Abdullah*. Lihat Jonathan Cave, Naning in Melaka dan juga Manuskrip Monograf Naning in Melaka oleh Jonathan Cave, (Sumber: Mubin Sheppard), T.T.
  53. Munsyi Abdullah, *Hikayat Abdullah*, hlm. 291-292.
  54. Pendudukan British di Melaka buat pertama kalinya adalah antara tahun 1795-1818. Belanda menyerahkan Melaka kepada British pada tahun tersebut kerana peperangan yang berlaku di Eropah dan Perancis telah menduduki negara Belanda. Belanda telah menyerahkan Melaka untuk ditadbir oleh British buat sementara waktu bagi mengelakkan daripada di tawan oleh Perancis. Semasa pendudukan ini, British telah menganggap Naning sebagai sebahagian daripada Melaka.
  55. Pada tahun 1801 Residen British di Melaka iaitu Kolonel Taylor telah melawat Naning dan berjaya mengadakan perjanjian dengan Naning. Perjanjian ini telah dibuat oleh Kolonel Taylor dengan Datuk Dol Said dan Orang-orang Besar (Empat Suku) Naning. Perjanjian ini mengandungi 13 fasal. Menurut perjanjian ini Naning berjanji akan taat dan patuh, tidak melakukan permusuhan dengan Kompeni dan hanya akan menjalankan perdagangan dengan Melaka Termeterainya juga perjanjian ini maka Penghulu Dol Said disahkan sebagai Penghulu Naning yang kesembilan menggantikan bapa saudaranya yang telah uzur iaitu Dato Anjak dan diberi cop Kompeni Hindia Timur Inggeris serta hendaklah mematuhi arahan Kompeni. Perjanjian ini juga menyatakan bahawa Kompeni berhak mendapat bayaran satu persepuluh daripada hasil padi Naning sebagai ufti setiap tahun. Perjanjian ini sebenarnya tidak dipatuhi oleh Naning kerana perjanjian ini lebih memberi kelebihan kepada pihak British. Lihat, *Perjanjian dan Dokumen Lama Malaysia 1791-1965*, Kuala Lumpur: Institut Penterjemahan Negara Malaysia, 2009, hlm. 5-9. Treaty with Naning dalam *A Collection of Treaties, Engagements, and Sunnuds, Relating to India and Neighbouring Countries, Vo. I, Containing, The Treaties, &c., Relating to Bengal, Burmah, and The Eastern Archipelago*, Calcutta, 1862, hlm. 251-255.
  56. Musa bin Bulat, "Pentadbiran di Masyarakat Naning: Dahulu dan Sekarang, dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Melaka Dahulu dan Sekarang*, hlm. 164.
  57. P.J., Begbie, *The Malayan Peninsula*, hlm. 136.

58. Ibid.
59. Musa bin Bulat, "Pentadbiran di Masyarakat Naning: Dahulu dan Sekarang, dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Melaka Dahulu dan Sekarang*, hlm. 166.
60. Mubin Sheppard, "Makam Dato' Abdul Said, hlm. 14.
61. Shaba, "Sejarah Keris Naning: Daulatnya Tiada Tanding, Tempat Simpanannya Rahsia, Ramai yang Muntah-muntah Bila Berdepan Dengannya", *Berita Minggu*, 16 November 1975, hlm. 8.
62. Dato' Seri Nan Kaya Abu @ Hussein bin Ibrahim, Pembesar Tiang Balai Tuo (Suku Semelenggang Naning), Wawancara, 11 November 2009.
63. Pawang Isa, Pawang Diraja Taboh Naning, Wawancara, 12 November 2009.
64. Dato' Seri Nan Kaya Abu @ Hussein bin Ibrahim, Pembesar Tiang Balai Tuo (Suku Semelenggang Naning), Wawancara, 11 November 2009.
65. Ibid.
66. Nordin Selat, "The Concept of Leadership in Adat Perpatih, Adat Minangkabau Elok Nagar Kerana Penghulu", *Federation Museum Journal*, Vol. XVII, 1972, hlm. 77-78.
67. Normah Mansor, "Sejarah Perkembangan Politik dan Pentadbiran Naning Sehingga Tahun 1948", hlm. 23.
68. Darus Ahmad, *Dol Said Pahlawan Naning*, hlm. 7.
69. Dato' Dr. Mohd. Rosli Saludin, *Naning Luak Terbilang*, hlm. 17.
70. Shahba, *Pesaka Naning*, hlm. 48.
71. T.J., Newbold., *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, hlm. 223-224.
72. Darus Ahmad, *Dol Said Pahlawan Naning*, hlm. 8.
73. T.J., Newbold., *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, hlm. 223.
74. T.J., Newbold., *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, hlm. 228.
75. Abdul Samad bin Idris, "Secebis Mengenai Adat Perpatih, Nilai dan Falsafahnya", Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Anjuran Universiti Pertanian Malaysia, Kerajaan Negeri Sembilan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor, 3-5 Mei 1984, hlm. 3.
76. Shaba, *Pesaka Naning*, hlm. 17.
77. J. V. Mills, (trans), *Eridia's Description of Malaca, Meridional India and Cathay (Translated from the Portuguese with Notes)*, *JMBRAS*, Reprint 14, 1997, hlm. 17.
78. Barbara Watson Andaya, Leonard Y., *Sejarah Malaysia*, Kuala



- Lumpur: Macmillan Publisher (M) Sdn. Bhd., 1983, hlm. 78.
79. Buyong Adil, *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajah Abad 15-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm. 63.
80. Ibid.
81. Zainal Kling, "Sejarah Adat Perpatih Wilayah Naning di Melaka", dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Melaka dan Sejarahhnya*, hlm. 46. Rujuk juga Zainal Kling, Adat Minangkabau di Naning (Melaka): Beberapa Perubahan Struktur, dalam Abdul Latif Abu Bakar (ed.), *Sejarah di Selat Melaka*, hlm. 82.
82. Ibid.
83. Buyong Adil, *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajah Abad 15-19*, hlm. 77.
84. Buyong Adil, *Kitab Sejarah Alam Melayu, Penggal IV (Negeri-negeri Selat)*, Singapura, 1934, hlm. 143.
85. Jonathan Cave, Naning in Melaka, hlm. 33.
86. Buyong Adil, *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajah Abad 15-19*, hlm. 78.
87. Abdullah Zakaria Ghazali, "Sejarah Ringkas Naning", hlm. 12.
88. Buyong Adil, *Kitab Sejarah Alam Melayu, Penggal IV (Negeri-negeri Selat)*, hlm. 146.
89. *Singapore Chronicle*, 11 Ogos 1831.
90. Rujuk K. T. Joseph, "A Brief History of the Land Problem from the Beginning of the Malay Period Up to the Passing of the Indian Act of 1837", dalam The Malacca Land Laws, *Federation Museum Journal*, Vol. XL, 1970, hlm. 137.
91. Shaba, *Pesaka Naning*, hlm. 21. Perjanjian ini ditandatangani oleh Kolonel Taylor dengan Dato' Dol Said dan pembesar-pembesar Naning. Dalam perjanjian ini Naning dikehendaki mengakui pertuanan British dan juga dikehendaki membayar cukai seperti yang dilakukan kepada Belanda. Perjanjian ini mengandungi 13 fasal. Perjanjian ini juga lebih memberi kelebihan kepada pihak British.
92. L.A. Mills, "The Naning War", *British Malaya 1824-67*, hlm. 139. Lihat juga Shaba, *Pesaka Naning*, hlm. 21.
93. Mubin Sheppard, "Makam Dato' Abdul Said, hlm. 13.
94. Abdullah Zakaria Ghazali, "Perang Naning 1831", *Jurnal Sejarah Melaka*, Bil. 9, 1985, hlm. 25.
95. SSR. A63, MC, Minute by Mr. Garling, T.T.
96. "Million-Dollar War in Naning was Fiasco in Minor Key", *Straits Times*, 18 Jun 1955.
97. Buyong Adil, *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajah Abad 15-19*, hlm. 137.
98. Dennis De Wilt, *History of the Dutch in Malaysia*, Selangor: Nutnes Publishing, 2007, hlm. 81.

99. Abdullah Zakaria Ghazali, "Sejarah Ringkas Naning", *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 27, 1999, hlm. 13.
100. SSR, Minute by President, R. Fullerton, 23<sup>rd</sup> November 1827.
101. Perjanjian Inggeris-Belanda ini telah ditandatangani di London oleh Raja Negera Belanda dengan Baginda Great King Britain yang mengandungi 17 fasal perjanjian. Menurut fasal ke sepuluh dalam perjanjian ini, Belanda menyatakan bahawa menyerahkan Bandar dan Kota Melaka serta wilayah di bawah jajahannya kepada Britain. Dalam fasal perjanjian ini juga, Raja Negera Belanda berjanjian tidak akan melakukan pertapakan di Semenanjung Melaka dan melakukan sebarang persetian dengan Raja, Pembesar atau Negeri di pribumi tersebut. Sila lihat *Perjanjian dan Dokumen Lama Malaysia 1791-1965*, hlm. 20-24. Lihat juga A. C. Baker, "Some Account of the Anglo Dutch Relations in the East at the Beginning of the 19<sup>th</sup> Century Based on the Record Pre-Served in the Colonial Secretary's Office in Singapore, and, in the Resident's Office, Malacca", *JSBRAS*, No. 64., 1913, hlm. 3-6.
102. Abdullah Zakaria Ghazali, "Pribumi dan Penjajah: Gerakan Tentangan di Malaysia", *Malaysia dari Segi Sejarah*, Bil. 23, 1995, hlm 15. Rujuk juga Abdullah Zakaria Ghazali, "Belanda di Melaka, 1641-1795: Satu Tinjauan mengenai PRIVATE persaingan Negeri Melayu dengan Belanda di Selat Melaka", Abu Hassan Sham, Martin 't Hart dan Wong Khek Seng (ed), *Pengajian Melayu Bersumberkan Belanda (Malay Studies from Dutch Sources)*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu dan Perbadanan Muzium Melaka, 1998, hlm. 88.
103. SSR. Minute by the President, Robert Fullerton, 11 Mac 1829.
104. C.M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826-67: Indian Presidency to Crown Colony*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972, hlm. 264.
105. SSR. Penguasa Tanah, W. T. Lewis kepada Thomas Church, Setiausaha Kerajaan, 9 Mac 1829.
106. Abdullah Zakaria Ghazali, "Pribumi dan Penjajah: Gerakan Tentangan di Malaysia", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 23, 1995, hlm. 15.
107. SSR. Minute by the President, R. Fullerton, 2 March 1829.
108. Joginder Singh Jessy, Malaysia, *Singapura dan Brunei 1400-1965*, Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd., 1975, hlm. 232.
109. Abdullah Zakaria Ghazali, "Kebangkitan-kebangkitan Anti-British di Semenanjung Tanah Melayu", Kertas Kerja dibentangkan dalam Kongres Sejarah Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, 10-12 April 1978, hlm. 3.
110. Abdullah Zakaria Ghazali, "Penghulu Dol Said", *Jurnal Sejarah Melaka*, Bil. 5, 1980, hlm. 26.

111. Abdullah Zakaria Ghazali, “Perang Naning 1831”, hlm. 31.
112. Ibid., hlm. 32.
113. *Singapore Chronicle*, 11 Ogos 1831.
114. Ibid. Lihat juga, T. J. Newbold, *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, hlm. 227.
115. Buyong Adil, *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajah Abad 15-19*, hlm. 142.
116. *Singapore Chronicle*, 11 Ogos 1831.
117. Zainal Abidin Borhan, “Pengkulu Naning Seri Merah Raja Dol Said: Tokoh Utama Menentang Penjajah di Naning”, dalam Ramlah Adam (ed.), *Pejuang-pejuang Kemerdekaan*, Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), 2003, hlm. 190-191.
118. Surat Peribadi, Dokumen Penangkapan Dol Said 1832 (Perang Naning 1832), “Pelekat”, 24 Julai 1832. Sebelum ini, British pernah mengeluarkan kenyataan bahawa ganjaran akan diberikan kepada sesiapa yang berjaya menangkap Dol Said iaitu sebanyak seribu ringgit dan dua ratus ringgit akan diberikan sekiranya berjaya menangkap empat orang lagi yang terlibat dalam Perang Naning. Lihat, Surat Peribadi, Dokumen Melacca Police Department (Perang Naning 1832), “Pelekat”, 9 Febuari 1832.

## Rujukan

- A.C. Baker. “Some Account of the Anglo Dutch Relations in the East at the Beginning of the 19<sup>th</sup> Century Based on the Record Pre-Served in the Colonial Secretary’s Office in Singapore, and, in the Resident’s Office, Malacca”, *JSBRAS*, No. 64., 1913.
- Abdul Karim Abdullah dan Ghazali Basri. 1979. *Latar Belakang dan Sejarah Malaysia Moden*, Kuala Lumpur: Penerbitan Abadi Sdn. Bhd.
- Abdullah Zakaria Ghazali. “1998. Belanda di Melaka, 1641-1795: Satu Tinjauan mengenai PRIVATE persaingan Negeri Melayu dengan Belanda di Selat Melaka”, Abu Hassan Sham, Martin ‘t Hart dan Wong Khok Seng (ed), *Pengajian Melayu Bersumberkan Belanda (Malay Studies from Dutch Sources)*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu dan Perbadanan Muzium Melaka.
- Abdullah Zakaria Ghazali, “Pengkulu Dol Said”, *Jurnal Sejarah Melaka*, Bil. 5, 1980.
- Abdullah Zakaria Ghazali, “Perang Naning 1831”, *Jurnal Sejarah Melaka*, Bil. 9, 1985.
- Abdullah Zakaria Ghazali, “Pribumi dan Penjajah: Gerakan Tentangan di Malaysia, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 23, 1995.
- Abdullah Zakaria Ghazali, “Pribumi dan Penjajah: Gerakan Tentangan di Malaysia”, *Malaysia dari Segi Sejarah*, Bil. 23, 1995.

- Abdullah Zakaria Ghazali, "Sejarah Ringkas Naning", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 27, 1999.
- Adat Naning, Short-Notes by Mr. A. B. Ramsay Relating to the Naning Custom in Malacca, R. C. Selangor 567/1946 dalam SUK Negeri Selangor.
- Barbara Watson Andaya, Leonard Y. 1983. *Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Macmillan Publisher (M) Sdn. Bhd.
- Buyong Adil. 1934. *Kitab Sejarah Alam Melayu, Penggal IV (Negeri-negeri Selat)*. Singapura.
- Buyong Adil. 1985. *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajah Abad 15-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- C.M. Turnbull. 1972. *The Straits Settlements 1826-67: Indian Presidency to Crown Colony*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1972.
- Cave, Jonathan. "Naning in Melaka", *MBRAS*, Monograf No. 16. 1996.
- Darus Ahmad. *Dol Said Pahlawan Naning*, Sinaran Bros Limited. 1957.
- Dato Dr. Mohd Rosli Saludin. 2007. *Naning Luak Terbilang*. Penang: Goalintelligent Publishing Sdn. Bhd.
- Dato' Mohd. Shah bin Mohd. 1996. Said al-Haj, *Tambo Alam Naning*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dennis De Wilt. 2007. *History of the Dutch in Malaysia*. Selangor: Nutnes Publishing, 2007.
- Haji Al-Sagap Haji Lasim. 2007. *Desa Warisan: Batang Melaka, Asal-Usul dan Kepimpinan Silam*.
- Haji Bokhari bin Haji Said. "Sejarah Penghulu di Melaka". *Jurnal Sejarah Melaka*. Bil. 2. November 1977.
- Haji Bokhari bin Haji Said. "Sejarah Penghulu di Melaka". *Jurnal Sejarah Melaka*. Bil. 2, November 1977.
- Horace St. John. 1853. *The Indian Archipelago Its History and Present State, Vol. II*, London: Longman. Brown, Green and Longmans.
- J. E. Nathan dan R. O. Winstedt (ed.). 1941. "Johor: Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunong Pasir and Terachi, Their History and Constitution". *Paper on Malay Subjects*. States Government Press. Kuala Lumpur.
- J. V. Mills, (trans), Eridia's Description of Malaca, Meridional India and Cathay (Translated from the Portuguese with Notes), *JMBRAS*, Reprint 14, 1997.
- Joginder Singh Jessy. 1975. *Malaysia, Singapura dan Brunei 1400-1965*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Jonathan Cave. Naning in Melaka dan juga Manuskrip Monograf Naning in Melaka oleh Jonathan Cave. (Sumber: Mubin Sheppard), T.T.
- K. T. Joseph, "A Brief History of the Land Problem from the Beginning of the Malay Period Up to the Passing of the Indian Act of 1837", dalam *The Malacca Land Laws, Federation Musuem Journal*, Vol. XL, 1970.
- Koleksi Pameran Raja Berdaulat*. 2004. Negeri Beradat, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

- L.A. Mills, "The Naning War". British Malaya 1824-67. *MBRAS*, Reprint No. 22, 2003.
- Manuskrip, "Notes on Naning Customs (Probably by Innes)". sumber: Hervey, Dudley Francis Amdius, T.T.
- Mills, L. A. British Malaya 1824-67. *MBRAS*, Reprint No. 22, 2003.
- Mubin Sheppard. "Makam Dato' Abdul Said, Dato' Naning", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, No. 5, Jun 1969.
- Munsi Abdullah. 1997. *Hikayat Abdullah*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd.
- Musa bin Bulat. "Pentadbiran di Masyarakat Naning: Dahulu dan Sekarang, dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Melaka Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1982.
- Nordin Selat. "The Concept of Leadership in Adat Perpatih, Adat Minangkabau Elok Nagar Kerana Penghulu". *Federation Museum Journal*. Vol. XVII, 1972.
- P.J. Begbie. 1967. *The Malayan Peninsula*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1967.
- Perjanjian dan Dokumen Lama Malaysia 1791-1965*. Kuala Lumpur: Institut Penterjemahan Negara Malaysia. 2009.
- Shahba. 1951. *Pesaka Naning*. Kuala Pilah: Sentosa Store.
- SSR. Minute by President, R. Fullerton, 23<sup>rd</sup> November 1827.
- SSR. A63, MC. Minute by Mr. Garling, T.T.
- SSR. Minute by the President, R. Fullerton, 2 March 1829.
- SSR. Minute by the President, Robert Fullerton, 11 Mac 1829.
- SSR. Penguasa Tanah, W. T. Lewis kepada Thomas Church, Setiausaha Kerajaan, 9 Mac 1829.
- Surat Peribadi. Dokumen Melacca Police Department (Perang Naning 1832), "Pelekat". 9 Februari 1832.
- Surat Peribadi. Dokumen Penangkapan Dol Said 1832 (Perang Naning 1832), "Pelekat". 24 Julai 1832.
- T. J. Newbold. 1971. *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Treaty with Naning dalam *A Collection of Treaties, Engagements, and Sunnuds, Relating to India and Neighbouring Countries, Vol. I, Containing, The Treaties, & c., Relating to Bengal, Burmah, and The Eastern Archipelago*. Calcutta, 1862.
- Tregonning K. G. 1964. *A History of Modern Malaya*, London: Eastern Universities Press Ltd.
- Zainal Abidin Borhan. "Penghulu Naning Seri Merah Raja Dol Said: Tokoh Utama Menentang Penjajah di Naning". dalam Ramlah Adam (ed.). *Pejuang-pejuang Kemerdekaan*, Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP). 2003.
- Zainal Kling, "Sejarah Adat Perpatih Wilayah Naning di Melaka", dalam Khoo

Kay Kim (ed.). *Melaka dan Sejarahnya*. Melaka: Persatuan Sejarah Melaka Cawangan Melaka. 1982.

Zainal Kling. Adat Minangkabau di Naning (Melaka): Beberapa Perubahan Struktur dalam Adbul Latif Abu Bakar (ed.), *Sejarah di Selat Melaka*. Melaka: Persatuan Sejarah Malaysia, 1984.

## Nota Biografi

Siti Maisarah Bakar (nuhara\_85@yahoo.com.my) kini bertugas sebagai Kurator di Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda (Sejarah) pada tahun 2008 dari Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Beliau seterusnya memperoleh Ijazah Sarjana (Sejarah Malaysia) dari Universiti yang sama pada tahun 2012. Fokus kajian dan penyelidikan beliau ialah Pentadbiran Naning 1832-1941.

Dr. Zulkanain Abdul Rahman (zulkana@um.edu.my) bertugas sebagai Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau berasal dari Kampung Ulu Sungai Buloh, Simpang Ampat, Alor Gajah, Melaka. Mendapat pendidikan Ijazah Sarjana Muda (Sejarah Malaysia) dari Universiti Malaya (1995); Ijazah Sarjana (Sejarah Rusia) dari Universiti Leeds (1997), United Kingdom; dan Ijazah Doktor Falsafah (Sejarah Eropah Moden) dari Universiti East Anglia, Norwich, United Kingdom (2006). Beliau mengkhusus dalam bidang sejarah Eropah dan politik antarabangsa; dan terlibat secara aktif dalam melakukan penyelidikan multidisiplin yang berkaitan dengan Sejarah Malaysia; dan demokrasi dan pilihan raya di Malaysia. Pada 2011, Kerajaan Negeri Melaka menganugerahkan beliau *Bintang Cemerlang Melaka* (BCM). Beliau kemudiannya dianugerahkan pula *Darjah Seri Melaka* oleh Kerajaan Negeri Melaka pada Oktober 2015. Kini beliau merupakan Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pembangunan), Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya.